



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 2 DISEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	OVER 8,000 FISHERMEN REGISTRATION CARDS ISSUED, HOME, BORNEO POST - 2	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	PADI SEMPAT DITUAI SEBELUM BANJIR GELOMBANG KEDUA, DALAM NEGERI, UM -8.	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
3.	TELUR DI PASARAN RUPANYA STOK LAMA, NEGARA, KOSMO -16.	LAIN-LAIN
4.	2,000 PAPAN TELUR LICIN TIDAK SAMPAI SATU JAM DIJUAL, NEGARA, KOSMO -16.	
5.	SEKSA NAK CARI TELUR, KUALA TERENGGANU, HM -10-11.	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Over 8,000 fishermen registration cards issued		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	02 Dec 2022	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	173 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 482
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,446



# Over 8,000 fishermen registration cards issued

**KOTA KINABALU:** The Sabah Fisheries Department has issued a total of 8,581 Fishermen's Registration Cards as of November this year, the State Assembly was told on Thursday.

State Assistant Minister of Agriculture and Fisheries Datuk James Ratib said with the card, the fishermen would be able eligible to apply for the Fisherman's Living Allowance of RM300 per month and oil subsidy.

"Traditional fishermen are also provided training and various types of incentives to carry out their fishing activities.

"Development of downstream industry in all districts is also intensified to help operators of fish-based products," he said in response to an oral question from Assaffal P. Alian (Warisan-Tungku) on the government's plans to empower traditional fishermen.

He said the ministry, through

the Fisheries Department, had also introduced a licence for fishing apparatus, whereby a total of 5,824 licenses were issued as of last August.

The length of boats allowed to be licensed has also been increased from 11 metres to 15 metres to enable the fishermen to bring more marine catch, he said, adding that the engine capacity for the boat should not exceed 200 horsepower.

Meanwhile, Assistant Youth and Sports Minister Datuk Andy Muhammad Suryady Bandy said the ministry had spent between RM2 million and RM3 million a year to train youth through a local industry development programme as part of an effort to address the state's unemployment problem.

"To help youths start or expand their businesses, this year the Sabah government introduces the Jaya Usahawan Belia (SYABAS) scheme involving

RM10 million," he said in response to an oral question from Jannie Lasimbang (DAP-Kapayan).

Assistant Minister of Community Development and Welfare, Datuk Flovia Ng told the State Assembly that there are 40 Community-based Rehabilitation Centres (PPDK) in the state, with each district having at least one centre to provide services for people with disabilities (PwDs).

"The Sabah government has allocated RM200,000 in Budget 2023 for PPDK throughout the state, which is RM5,000 per PPDK," she said, adding that a total of 2,313 PwDs were registered at PPDK throughout the state as of last Nov 25.

She was responding to an oral question from Datuk Amisah Yassin (Appointed) on the ministry's plan to establish special facilities for special children, especially in rural areas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/12/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

## Padi sempat dituai sebelum banjir gelombang kedua

**KOTA BHARU:** Lembaga Pertanian Kemubu (KADA) menjangkakan kawasan tanaman padi di lima buah jajahan di negeri ini di bawah seliaan agensi itu tidak akan mengalami kerosakan apabila kerja-kerja menuai hasil akan selesai sebelum berlakunya gelombang kedua banjir.

Pengerusinya, Datuk Kamaruddin Md. Nor berkata, sehingga kini 70 peratus kerja-kerja menuai hasil melibatkan seluas 26,833 hektar di Kota Bharu selain Tumpat, Pasir Mas, Bachok dan Pasir Puteh sudah selesai.

"Lagi pun kita sudah memberi taklimat kepada petani berhubung perkara itu.

"Ini bagi mengelak berlaku sebarang masalah kerosakan terhadap hasil tanaman tersebut," katanya kepada peminat pada Majlis Jasamu Dikenang KADA di Hotel Grand Riverview, di sini semalam.

Kamaruddin memberitahu, KADA tidak menerima sebarang maklumat kerugian dialami oleh petani terlibat semasa gelombang pertama banjir bulan lalu.

Bagaimanapun katanya, KADA hanya menerima laporan mengenai maklumat kawasan sawah di Tasik Bera-ngan, Pasir Mas yang ditenggelami banjir.

"Namun tiada laporan kerosakan kawasan sawah seluas 200 hektar melibatkan 60 pesawah. Hal ini kerana padi hanya ditenggelami air hanya satu malam kerana keesokannya air sudah surut," jelasnya.

Bahan mentah kurang, pembekal terpaksa 'cuti' hantar bekalan

# Telur di pasaran rupanya stok lama

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** – Bekalan telur ayam yang ketika ini didakwa mula banyak di pasaran sebenarnya stok lama yang 'diperam' peniaga berikutan tidak mahu bekalan berkenaan terputus secara tiba-tiba.

Namun langkah sebenarnya turut menekan pengguna apabila telur yang dibeli hanya mampu bertahan antara dua hingga tiga hari sahaja.

Seorang pembekal yang mahu dikenali sebagai Ahmad Shah, 39, berkata, pihaknya sehingga ke hari ini masih berdepan masalah kekurangan stok telur ayam bagi kesemua grad A, B, C dan D sejak lebih dua bulan lalu.

Dakwanya, disebabkan kekurangan yang serius bekalan keperluan itu diperingkat ladang telah memaksa sebahagian pihak pembekal menghentikan operasi penghantaran buat seketika baru-baru ini.

"Setahu saya, telur ayam tidak disorok dan memang berlaku



**SEORANG pengguna yang mendapatkan bekalan telur untuk kegunaan harian.** – AMIR KHALID

kekurangan sejak lebih dua bulan lalu sehingga ada pihak pembekal menghentikan pengedaran kepada peniaga termasuk pengusaha kek pemiaga di pasar.

"Dakwaan telur ayam kembali banyak di pasaran-ketika ini bukannya disebabkan pemben-tukan kerajaan perpaduan mahupun pelantikan Perdana

Menteri baharu.

"Telur ayam yang banyak dijual di pasaran ketika ini dikatakan stok lama yang hampir rosak dan hanya mampu bertahan untuk digunakan antara dua hingga tiga hari sahaja.

"Jika ada stok baharu, itu memang nasiblah," katanya kepada **Kosmo!** di sini.

Jelasnya, isu kekurangan bekalan telur ayam sememangnya turut memberi kesan langsung kepada pembekal barangan utama itu apabila buat pertama kalinya dia terpaksa bercuti daripada menghantar stok kepada pelanggan Sabtu lalu.

"Memang telur ayam sukar diperoleh di sini ketika ini. Di kedai-kecil runcit pun susah melainkan telur omega selain jualannya juga terhad kepada 10 biji sehingga satu papan sahaja untuk satu keluarga," tambahnya.

Semalam, **Kosmo!** melaporkan bekalan telur ayam dijangka kekal berkurangan dan sukar diperolehi dalam pasaran tempatan sehingga tahun depan.

**KERATAN Kosmo!** semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/12/2022	KOSMO	NEGARA	16

## 2,000 papan telur licin tidak sampai satu jam dijual

**KUALA LUMPUR** - Masalah bekalan telur ayam yang meruncing sejak dua bulan lalu bukan sahaja menekan pemborong mahupun peniaga tetapi pengguna apabila mereka terpaksa berebut bagi mendapatkan bekalan bahan mentah berkenaan.

Hal itu berikutan tindakan peniaga yang menghadkan pembelian telur kepada pelanggan selain ada antara mereka yang menutup premis gara-gara tiada bekalan.

Seorang peniaga di pasar Chow Kit, Anggi Afriatama, berkata, bekalan telur ayam yang diperoleh daripada pembekal sekitar 2,000 papan sehari dan kesemuanya habis dalam masa kurang satu jam.

"Ketika ini mahu simpan stok pun susah sekarang, dapat saja (stok) terus habis. Jumlah stok yang dihantar tidak menentu malah ada hari, langsung tiada bekalan," katanya.

Peniaga nasi lemak, Nora Abu Bakar Sidek, berkata, masalah telur yang berlarutan menyebabkan keuntungannya menjadi kecil berikutan terpaksa membeli bahan mentah berkenaan dengan harga yang mahal.



**NOTIS had pembelian telur kepada lima papan bagi setiap pelanggan di premis sekitar Kuala Lumpur.**

"Apabila telur naik harga, sudah tentu kos nasi lemak saya tinggi. Susahlah kalau lama-lama macam ini," ujarnya.

Katanya, sebelum ini dia membeli sepapan telur ayam pada harga RM10.50 bagi gred E, namun sekarang sudah RM12 sepapan.

Sementara itu, Maznah Mat Zaini, 62, terpaksa mengharungi perjalanan sejauh lima kilometer

dari Setapak bagi membeli telur untuk kegunaan keluarganya.

"Telur dikawasan saya memang susah jadi terpaksa ke Chow Kit, memang tidak dinafikan juga telur ketika ini memang mahal berbanding sebelum ini.

"Harap pihak bertanggungjawab pantau harga ini kerana ia menjadi semakin tidak terkawal, rakyat tengah susah," katanya.





**KUALA TERENGGANU**

PEKERJA sebuah syarikat pembotolan telur ayam memadam telur sebelum dijual kepada pelanggan yang sedang menunggu berikutan krisis bekalan telur ayam semasa tinjauan di Utangan Tiga, Kuala Terengganu.

# 'SEKSA' NAK CARI TELUR

*Krisis bekalan bahan mentah di seluruh negara bebankan pengguna, golongan peniaga*

“Sekiranya ada, ia lebih mahal daripada harga biasa”  
Aswannudin

“Sekarang sangat susah beli telur dalam jumlah yang banyak”  
Sunon



## Kuala Lumpur

**K**risis bekalan telur ayam terus membelenggu pengguna apabila ia masih sukar didapati di pasaran di seluruh negara.

Situasi itu menyebabkan pengguna terbebani, ditambah pula dengan sikap segelintir peruncit yang bertindak mengabdikan jualan selain mengenakan harga yang mahal.

Di **KUALA LUMPUR**, peniaga di Pasar Datuk Keramat, Hashim Bahrawi, 57, berkata, sebelum ini dia boleh mendapatkan bekalan telur ayam daripada pembekal sebanyak 35 papan sehari namun kini hanya 15.

“Hari ini saja, saya dapat telur gred A sebanyak lima papan manakala bagi gred B dalam 10 papan. Kalau dahulu, saya selalu ambil 15 papan telur gred A dan 20 papan telur gred B,” katanya.

Pembeli Soo Yin Mui, 53, turut meluahkan rasa kesal terhadap bekalan telur yang sukar didapati di kawasan berkenaan apatah lagi harganya yang kian meningkat daripada biasa.

Di **PERAK** Ahli Gerakan Pengguna Negeri Perak Aswannudin Hariffudin berkata, hasil tinjauannya di sekitar Rapat Setia dan Chemor, Ipoh mendapati peniaga kedai runcit dan kedai makan memaklumkan aukar mendapatkan bekalan telur di setengah tempat.

“Ada peniaga kedai makanan mengeluh kerana terdapat kuota untuk membeli telur ayam. Lori yang membawa bekalan telur pun menyatakan tiada bekalan. Sekiranya ada, ia lebih mahal daripada harga biasa. Terdapat aduan rakyat mengenai telur yang dijual, banyak yang rosak atau membusuk,” katanya.

Sementara itu, jurucakap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak meminta aduan rasmi dikemukakan sekiranya terdapat

kekurangan bekalan ayam dan telur bagi memudahkan pihaknya mengambil tindakan segera.

Di **KELANTAN**, tinjauan di dua pasar raya di Gua Musang mendapati tiada bekalan telur papan dijual menyebabkan pelanggan tiada pilihan selalu membeli telur ayam Omega yang dijual pada harga RM8.30 bagi 10 biji.

Peniaga kedai makan, Sunon Champakhae, 56, berkata, kekurangan bekalan menyebabkannya terpaksa mengurangkan kuantiti menu berasaskan telur ayam.

“Sekarang sangat susah beli telur dalam jumlah yang banyak, ada masanya kami terpaksa membeli telur segar berharga RM7.90 untuk 10 biji, ini juga memberi kesan terhadap perniagaan kami,” katanya ketika ditemui di Pasaraya Econjaya Gua Musang.

Di **SELANGOR**, Ketua Seksyen Operasi, Seksyen Penguatkuasaan KPDNHEP Selangor Mohd Shahran Mohd Arshad mengakui terdapat kekurangan bekalan telur ayam di pasaran khususnya melibatkan golongan peniaga yang memerlukan bekalan telur yang banyak untuk meneruskan perniagaan mereka.

“Bagi pengguna akhir atau pelanggan biasa, memadai kita beli ikut keperluan memandangkan jangka hayat telur tidak lama. Tidak guna untuk simpan dalam kuantiti banyak. Jadi, saya ingatkan pengguna jangan lakukan pembelian panik,” katanya.

Beliau berkata, setakat ini KPDNHEP Selangor belum menerima sebarang aduan berhubung ketiadaan bekalan telur bersubsidi gred A, B dan C serta isu menyorok telur ayam di negeri ini.

Mohd Shahran berkata, bekalan ayam yang dilaporkan berkurangan sudah kembali pulih dan penjualan ayam turut mengenakan harga tidak melebihi harga maksimum RM9.40 serta tiada caj pemotongan ayam dikenakan kepada pembeli.

Di **TERENGGANU**, Pengarah KPDNHEP



SUNON membeli telur ayam omega yang terdapat di pasaran ketika tinjauan di sebuah pasaraya di Gua Musang.

TINJAUAN stok dan harga telur di sebuah pasar raya di Bandar Sri Damansara.





Terengganu Saharuddin Mohd Kia berkata, stok di peringkat pemborong sudah mer capai 100 peratus dan kini bekalan itu dalam proses edaran dalam masa terdekat selain peniaga juga didapati mematuhi harga kawalan yang telah ditetapkan.

Di **KEDAH**, Presiden Persatuan Penggun Kedah (CAKE) Mohamad Yusrizal Yus berkata, pihaknya membuat pemeriksaa semalam dan mendapati terdapat 3,00 bekalan telur di premis namun telur it hanya mampu bertahan antara 30 min hingga satu jam sebelum rosak.

Tinjauan di kedai runcit sekitar Alor Seti mendapati telur ayam gred B dijual pad harga RM14 bagi 30 biji manakala ada ked yang menjual telur terhad kepada 10 bi sahaja pada harga RM4.50 bagi setiap per bellan 10 biji itu.

Sementara itu, di **PAHANG** dan **PULAU PINANG**, tinjauan mendapati harga ayam segar masih tinggi walaupun bekalan d peroleh terus dari kilang pemprosesan.

Pengusaha restoran nasi ayam di Kuar tar, Mohd Nadzir Ali, 45, berkata, beliau memerlukan 120 ekor ayam sehari dan bel pendapat harga ayam pada RM9.30 sek logram masih tinggi.

Mohd Shafi Yaakob, 27, yang berniaga ayam di beberapa pasar di sekitar Baya Baru dan Bayan Lepas pula berkata, beliau membeli ayam segar daripada pemborong pada harga RM9.10 sekilogram dan mu tahl boleh menjual semula pada harga s ling yang ditetapkan iaitu RM9.40.

Di **NEGERI SEMBILAN**, seorang peniaga ayam segar di Pasar Ampangan, Alza Tambi, 51, berkata, peniaga kecil sepertiny tertekan kerana masih menghadapi kek rangan bekalan ayam daripada pembekal sejak pertengahan tahun ini sehingga kini.

Beliau berkata, pembekal memberika harga kira-kira RM7.60 hingga RM7.70 se kilogram ayam kepada peniaga sepertiny namun bergantung kepada pertimbangan pembekal itu sendiri.

"Jika bayaran okey, boleh dapat harga yan murah sedikit daripada pembekal. Had be kalan yang saya terima pula hanya 400 hing ga 500 ekor sahaja dan ia tidak mencukupi. Saya terpaksa jual pada harga RM10.50 hing ga RM10.90 sekilogram," katanya.

Sementara itu di **SARAWAK**, tinjauan c daerah Kota Kinabalu, Penampang dan Tuar ran mendapati harga telur dan ayam stab serta tidak banyak berubah.

Harga telur gred A antaranya di Pasr Kota Kinabalu, Pasar Donggongon di Pe nampang dan Pasar Tuaran mendapati se kitar RM15 untuk 30 biji sepapan manakal gred B untuk jumlah sama pada RM14.7 dan gred C berharga RM14.40.

Harga ayam super pula berbeza di tig pasar itu iaitu sekitar RM11.50 sekilogram c Pasar Donggongon di Penampang dan Pasr Tuaran manakala Pasar Kota Kinabalu se kitar RM12 sekilogram.

Peniaga barangan segar di Kota Kinabah Khairul Jari Mat Jun berkata, peniaga masi boleh mengekalkan harga telur dan ayar buat masa ini namun jumlah stok yan diterima daripada pembekal kini agak ren dah berbanding biasa.

"Dua tiga minggu ini bekalan sudah se makin baik, stok itu ada tetapi minggu ir sudah mula bekalan yang sampai itu kuran berbanding biasa. Bimbang juga jadi seper sebelum ini, amat kurang stok sehingg harga melambung, peniaga susah dan per beli lagi susah," katanya.

Di **MELAKA**, Pengarah KPDNHEP negei Norena Jaafar berkata, setakat ini pihakny tidak menerima sebarang aduan kenaikan harga ayam mahupun telur.

Beliau berkata, harga ayam adala RM10.40 sekilogram dan penjual menge nakan caj pematongan RM1 serta disera gamkan di seluruh negeri manakala bag telur ayam pula, peniaga menjual baranga keperluan tersebut mengikut harga kawala iaitu gred A, B dan C dijual pada harga 4 sen, 43 sen dan 41 sen sebiji.